

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJELASAN TENTANG JADUAL YANG BERTAJUK “UNIT  
DISIPLIN KPM: BENTUK-BENTUK HUKUMAN YANG DILARANG”**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada kenyataan di portal media bertarikh 21 November 2021 bertajuk “Gempar!!! Bermula esok, guru boleh dihukum sekiranya berleter terhadap murid.”

KPM tidak pernah mengeluarkan jadual yang bertajuk “Unit Disiplin KPM: Bentuk-bentuk Hukuman Yang Dilarang” seperti yang tular di media sosial. Tatacara pengurusan disiplin yang dikeluarkan oleh KPM adalah seperti berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959;
- ii. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid yang Melakukan Perbuatan Salah Laku Yang Tidak Dinyatakan Dalam Peraturan-peraturan Pelajaran;
- iii. SPI Bil. 7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah;

- iv. SPI Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin;
- v. SPI Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid; dan
- vi. SPI Bil. 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP)* 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin.

Sehubungan dengan itu, KPM menegaskan bahawa tatacara pengurusan disiplin murid adalah berdasarkan Garis Panduan dan SPI yang dinyatakan di atas.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
23 NOVEMBER 2021**